

S'pura akan kongsi kepakaran pentadbiran awam dengan Kazakhstan, Uzbekistan

Presiden Halimah gulung lawatan lima hari ke dua negara Asia Tengah

► MUHAIMIN SUZAIN
msuzain@ph.comsg

SINGAPURA akan berkongsi kepakaran dalam aspek pentadbiran awam bersama Uzbekistan dan Kazakhstan melalui kerjasama antara Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew dan sekolah peringkat sivik di sana.

Demikian dinyatakan Presiden Halimah Yacob semasa menggulung lawatan lima hari ke negara-negara Asia Tengah itu.

Puan Halimah berkata: "Mereka (Uzbekistan dan Kazakhstan) ingin dapatkan sokongan untuk perbaiki

pentadbiran serta kepimpinan dalam pemerintahan mereka.

"Kita telah pun mengadakan kerjasama... dan saya rasa program-program yang telah dilakar dan dijalankan akan mendatangkan manfaat (bagi negara-negara tersebut)."

Beliau berkata lawatannya, yang bermula pada 21 Mei di Kazakhstan, amat bererti kerana ia "berjaya mempererat hubungan antara Singapura dan kedua-dua negara sedemikian".

Sebelum ini, Puan Halimah mengadakan perbincangan terbuka mengenai usaha menggalak dialog silang agamad dan memupuk sikap saling memahami bersama Presiden Uzbekistan, Encik Shavkat Mirziyoyev, di Istana Kuksaroy di Tashkent, Uzbekistan.

Ini setelah banyak persamaan dapat dilihat antara Singapura dan negara-negara tersebut, khususnya dari segi masyarakat yang berbilang bangsa dan agama.

"Jika dilihat, masyarakat mereka lebih pelbagai jika dibandingkan dengan masyarakat Singapura."

"Kedua-dua negara juga memikirkan bagaimana untuk memperkuatkan (jalinan sesama) bangsa dan agama sama seperti kita (di Singapura)," tambah beliau.

Sebelum ini, Puan Halimah mengadakan perbincangan terbuka mengenai usaha menggalak dialog silang agamad dan memupuk sikap saling memahami bersama Presiden Institut Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS), Universiti Teknologi Nanyang (NTU).

Puan Halimah mengalau-alukan sa-



TINJAU BAZAR: Presiden Halimah Yacob (dua dari kanan) meninjau bazar tempatan semasa lawatannya ke Uzbekistan. – Foto ST

ranan Endik Mirziyoyev untuk berkongsi pengalaman Uzbekistan di Persidangan Antarabangsa Mengenai Masyarakat Bersatu Padu (ICCS) – mesyuarat antarabangsa bagi memperbaiki hubungan di kalangan masyarakat yang dianjurkan Institut Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS), Universiti Teknologi Nanyang (NTU).

Kedua-dua pemimpin bersetuju terdapat skop bagi Singapura dan Uzbekistan untuk bekerjasama dalam hu-

ruang dialog antara agama memandangkan Singapura dan Uzbekistan merupakan masyarakat berbilang etnik dan berbilang agama," menurut satu kenyataan Kementerian Ehwal Luar (MFA).

Dalam pada itu, Puan Halimah menyifatkan lawatannya telah membawa kesan dan memperbaiki hubungan dua-hala antara Singapura, Kazakhstan dan Uzbekistan.

"Saya lihat banyak aspek-aspek yang dapat kita perbaiki dalam hu-

bungan (dua hala), iaitu dari aspek perdagangan, pelaburan dan kegiatan rakyat antara ketiga-tiga buah negara.

"Dari segi apa yang telah kita capai dengan Kazakhstan misalnya, kita telah menandatangani perjanjian berhubung perkhidmatan dan pelaburan.

"Ini satu perjanjian yang amat penting kerana ia membincangkan berkenaan Perjanjian Perdagangan Bebas(FTA) antara Singapura dan Kesatuan (Ekonomi) Eurasia misalnya," ujar beliau.